



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

MASJID ASAS KESEJAHTERAAN UMMAH

Tarikh Dibaca :

**5 Safar 1441H/
4 Oktober 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**MASJID ASAS KESEJAHTERAAN UMMAH**

4 Oktober 2019M/ 5 Safar 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمُدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَتَّدُ وَمَنْ يُضْلِلَهُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا۔
أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ۔

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدُ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقامَ الصَّلَاةَ وَأَتَى
الزَّكَوَةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهَتَّدِينَ



Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Pada hari yang mulia ini, saya memperingatkan diri saya dan sidang jemaah yang dimuliakan, marilah kita sama-sama bertakwa kepada Allah SWT, agar kita dapat melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Moga-moga dengan itu, hidup kita sentiasa dilimpahi rahmat dan dianugerahkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk : “**Masjid Asas Kesejahteraan Ummah**”.



Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berperanan sebagai Ketua Agama Islam dan pelindung hak istimewa orang-orang Islam telah dinyatakan secara jelas dalam Perkara 32(1) perlombagaan Persekutuan. Oleh kerana keistimewaan institusi ini kepada masyarakat, semua rakyat Malaysia wajib menghormati dan menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kewibawaan Tuanku dalam mengetuai dan mentadbir agama Islam di Negara ini adalah bagi memastikan dakwah Islam tersebar ke segenap pelosok tanah air kita dan terpelihara kesuciannya. Ini termasuklah memastikan masjid berperanan sebagai pusat perpaduan masyarakat muslim dan pengembangan Islam di samping turut menyantuni golongan bukan Islam. Inilah ciri-ciri masjid bersifat Rahmatan Lil Alamin.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Penting untuk kita sedari bahawa masjid sebenarnya mempunyai peranan yang amat luas dan bermanfaat kepada masyarakat Islam, antaranya:

Pertama : Masjid merupakan tempat mengumpul dana akhirat. Kemuliaan rumah Allah SWT tiada tolok bandingnya. Berjalan kearahnya sudah dikira pahala, apatah lagi apabila memasuki, beriktikaf dan beribadah di dalamnya. Inilah yang dikehendaki Allah SWT sebagaimana firmanNya di dalam Surah An-Nur, ayat 36:



Bermaksud : “(*Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya ; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang.*”

Justeru, perbanyakkan langkah kita menuju ke masjid setiap hari agar kita tidak miskin di akhirat kelak.

Kedua : Masjid mengukuhkan ‘*hablu minallah wa hablu minannas*’. Menghadirkan diri ke masjid pastinya akan membina hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Hubungan dengan Allah sebagai Pencipta dikukuhkan dengan bermunajat dan mengingati Allah SWT setiap masa di masjid. Manakala hubungan dengan manusia dikukuhkan melalui solat berjemaah yang menjadi asas kepada ukhuwah dan perpaduan.

Ketiga : Masjid merupakan tempat menuntut ilmu. Bukan sahaja melalui khutbah Jumaat bahkan pelbagai bentuk program ilmiah dan kelas-kelas pengajian dijalankan di masjid. Program-program yang pelbagai dan interaktif dapat mengubah persepsi umat Islam yang menganggap masjid hanya tempat ibadah semata-mata.

Keempat : Masjid merupakan pusat aktiviti sehari-hari (*one stop centre*). Selain solat, pelbagai fasiliti dan aktiviti diwujudkan di masjid. Dalam usaha merealisasikan *one stop centre* ini, kerjasama di antara pihak masjid dan ahli jemaah amat diperlukan. Pelbagai kemudahan boleh disediakan seperti pusat teknologi maklumat, pusat penginapan pelancong muslim, pusat kebajikan dan kaunseling, pusat kegiatan bagi golongan wanita, remaja dan kanak-kanak dan kemudahan-kemudahan lain yang bersesuaian. Dalam usaha menjadikan masjid yang mempunyai nilai-nilai rahmah, ia mestilah



dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang mesra terhadap semua golongan terutama orang kelainan upaya.

Kelima : Masjid menjadi nadi penggerak ekonomi masyarakat. Kegiatan-kegiatan ekonomi amat digalakkan untuk diwujudkan di masjid seperti koperasi masjid. Kegiatan-kegiatan ekonomi seperti ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan masjid malah ia turut menjadi sumber pendapatan kepada ahli Jemaah yang melibatkan diri dalam kegiatan tersebut.

Keenam : Masjid merupakan tempat mencari ketenangan jiwa dan merehatkan minda. Mengoptimumkan masa beribadah di masjid seperti solat berjemaah, solat-solat sunat, membaca al-Quran dan qiyamullail tanpa gannguan pasti memberi ketenangan. Bahkan berniat iktikaf di masjid tanpa melakukan apa-apa juga dapat merehatkan minda. Inilah keistimewaan yang Allah SWT kurniakan kepada hamba-hambaNya yang sentiasa melakukan amal soleh. Imam Muslim RHM meriwayatkan hadis daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda :

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِّنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَّلْتُ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِّيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرْهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

Bermaksud : *Dan tidaklah suatu kaum berkumpul di salah satu diantara rumah-rumah Allah SWT, mereka membaca Kitabullah dan mempelajarinya, melainkan akan turun kepada mereka ketenangan, rahmat akan meliputi mereka, para Malaikat mengelilingi mereka, dan Allah memuji mereka di hadapan makhluk yang ada di sisiNya.*

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Bertepatan dengan usaha kerajaan membentuk Malaysia menjadi Negara Rahmah, masjid juga mempunyai peranan dalam menyebarkan dan



merealisasikan konsep masjid Rahmah iaitu (**Ramah** terhadap setiap golongan termasuk masyarakat bukan Islam, **Aman** daripada sebarang huru-hara dan kekacauan, **Harmoni** dengan kepelbagaian kaum dan etnik, **Mesra** terhadap Jemaah yang mempunyai pelbagai latar-belakang, **Alami** iaitu bersifat menjaga alam sekitar dan **Hormat** dengan menerapkan budaya saling menghormati sesama anggota masyarakat). Konsep ini mesti dipraktikkan bukan sahaja terhadap muslim malah juga terhadap golongan bukan Islam. Inilah antara usaha yang menjernihkan semula pandangan golongan bukan Islam ini terhadap agama suci ini dan umatnya.

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita menghayati beberapa kesimpulan sebagai renungan kita bersama, antaranya :

Pertama : Tumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Tuanku serta pertahankan kedaulatan Islam dan institusi masjid setiap masa.

Kedua : Hadirkan diri ke masjid secara istiqamah kerana manfaatnya besar untuk dunia dan akhirat.

Ketiga : Gunakan semaksima mungkin ruang dan peluang dalam mengimarahkan rumah Allah SWT ini dengan mempraktikkan konsep masjid Rahmah yang bersifat ramah, aman, harmoni, mesra alam sekitar dan penyubur sikap saling menghormati sesama masyarakat.

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Taubah ayat 17:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمَرُوا مَسَاجِدَ اللَّهِ شَهِيدِينَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ بِالْكُفْرِ أُولَئِكَ
حِيطَتْ أَعْمَلُهُمْ وَفِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ

١٧



Bermaksud: “Tidaklah layak orang-orang kafir musyrik itu memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah, sedang mereka menjadi saksi (mengakui) akan kekufuran diri mereka sendiri. Mereka itu ialah orang-orang yang rosak binasa amal-amalnya dan mereka pula kekal di dalam neraka”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقَتِهِ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فِيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِبِينَ .

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَىٰ أَهْلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْعِيَهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الْذِينَ أَمْنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

⑤٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.



وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعْهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيا
سَرِيْ قَدْوَكْ بِكِينِدا يَعْ دَفْرَتوَانِ اَكْوَغْ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهُ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجُ اَحْمَدُ شَاهُ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيا سَرِيْ قَدْوَكْ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايُوسُورِيِّ اَكْوَغْ
تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةِ اَمِينَةِ مِيمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّاعَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

يَا اللَّهُ، جَادِيْكَنْلَهُ كَامِي اُورَغْ ۲ يَعْ منْدِيرِيْكَنْ صَلاَةَ سِچَارَا بِرْجَمَاعَهُ دَانْ مُونَا يَكْنَ زَكَة
مَلَالُوْعِيْ قُوْسَتْ قُوْغُوتَنْ زَكَةَ مَجْلِيسِ اَكَامِ إِسْلَامَ وَلَاهِيْ قُرْسَكُوتَوَانْ سَرَتَا رَحْمَتِيْلَهُ كُوكُوغُنْ



يُعَذَّبُ مَنْ نَوَىٰ زَكَاةً جَادَ يَكْلِهُ اَوْ سَهَا MAIWP دَالِمَ مَثَاكِيْهُكَنْ زَكَاةً دُولَاهُ فَرْسَكُوتُوانْ سِباْكَاهُي سَاتُو لَغْكَهُ يُعَذَّبُ بَرْكَسُنْ بَانْكَيْ مَلْقَسُكَنْ اَصْنَافُ دَرِيْ بَلَغْكَوْ كَمِيسْكِينْ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

﴿٩٠﴾

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْعُوْا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.